

# Malaysia ada banyak kelebihan jadi pusat MRO pesawat dunia

Um - 23/5/2007

KUALA LUMPUR 22 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia mempunyai banyak kelebihan untuk menjadi pusat penyenggaraan, pembaikan dan membaik pulih (MRO) pesawat bertaraf dunia pada harga amat kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antara kelebihan itu ialah dari segi kos dan tenaga kerja mahir yang mampu memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Dalam hal ini, beliau menyifatkan usaha yang dilakukan oleh syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia Berhad dan Sepang Aircraft Engineering (SAE) Sdn. Bhd. sebagai satu langkah besar ke arah menjadikan Malaysia pusat MRO di rantau ini.

Katanya, kerajaan sedia memberikan galakan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menceburi bidang tersebut.

"Dalam pelan induk untuk industri aeroangkasa, kerajaan telah menyenaraikan kemudahan MRO sebagai

salah satu cabang yang diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) antara AirAsia Berhad dan SAE Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Memorandum itu bagi membolehkan SAE melakukan kerja-kerja penyenggaraan ke atas pesawat-pesawat milik AirAsia.

Pada majlis itu, AirAsia diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tony Fernandes, sementara SAE diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Budriz Putra.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Pengerusi SAE, Tan Sri Nik Ismail Nik Mohamed.

Menurut Najib, kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk memberi kemudahan termasuk pajakan tanah kepada syarikat berminat.

"Kita juga boleh memberi sokongan

kerajaan untuk menggalakkan mereka menggunakan kemudahan ini nanti," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata, kerajaan sentiasa menyokong usaha syarikat tempatan untuk menceburi bidang MRO di peringkat dunia.

Beliau berkata, perlu diingat, industri penerbangan komersial dunia membabitkan lebih 17,000 pesawat yang aktif.

Katanya, pada tahun 2005 sahaja, operasi bersepadu bagi MRO melebihi AS\$38 bilion dengan nilai bagi alat ganti mencecah AS\$50 bilion.

"Kos bagi MRO pesawat komersial dunia diunjur tumbuh pada kadar AS\$46 bilion menjelang 2010 dan AS\$54 bilion pada 2015.

"Ini menunjukkan potensi sangat besar dalam industri ini dan kerajaan sangat menyokong syarikat tempatan yang ingin merebut peluang dan cabaran dalam perniagaan tersebut," katanya.